

## PROFIL ARTIS BMS23

### NOR NABILA BINTI MOHAMMAD FAIRUZ



Dilahirkan pada 22 Januari 2000 di Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL). Pengkarya merupakan seorang graduan dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), berkelulusan Diploma Rekaan Komunikasi Visual, dan kemudiannya meneruskan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Visual dengan Kepujian, di tempat yang sama. Nabila Fairuz banyak melibatkan diri di dalam bidang seni sejak di bangku sekolah, seperti pertandingan mewarna, dan lukisan mural. Pengkarya juga masih aktif melibatkan diri, dengan menyertai pameran, dan pertandingan terbuka. Antara pameran yang disertai adalah seperti, "*BIG*" *Open Art Competition* di Penang, *ArtGeng Exhibition* di Johor Bharu, Bakat Mahasiswa "Kolektif Kampung Batu" di ASWARA, dan *Echorama Mail Art Projects*, Italy.

## MUHAMMAD IBRAHIM



Muhammad Ibrahim merupakan seorang artis sepenuh masa, yang kini bertapak di Kuala Lumpur. Kebanyakan karya yang dihasilkan mengutamakan medium akrilik, kertas, ink, kotak, kayu, dan kanvas. Penggunaan ruang, sebagai tema, dan manusia, sebagai subjek utama bagi penghasilan karya, menjadi pendekatan yang diambil oleh beliau, dalam melaksanakan kajian bagi menghasilkan sebuah karya. Pendidikan awal dalam bidang seni, diterima di Sekolah Seni Malaysia Johor dalam bidang teater, kemudian melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam Diploma Teater, dan kemudian Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Persembahan Dengan Kepujian, juga di ASWARA. Sebelum ini beliau pernah melakukan sebuah Pameran Solo Malai Nusantara, di Studio dan Galeri Skaki, pameran berkumpulan School Of Thought di White Box, Publika, Pameran Duo Bapa Borek Anak Rintik, di Creative Art Hub ASWARA, dan pameran Youthreka Nando's, di Galeri Prima. Antara anugerah dan hadiah yang pernah beliau terima sebelum ini adalah Anugerah Spektrum daripada ASWARA, dan hadiah saguhati daripada Nando's Art Initiative. Sementara itu, penglibatan lain di dalam bidang seni yang berkaitan adalah seperti, Belajar Mematung, di Studio Ali Umar, Indonesia, persembahan teater Pinangan karya Anton Chekov, bagi Festival Teater Pahang, dan Macbeth : Zaman Atom, di Galeri Shah Alam. Dalam pada masa yang sama, beliau juga sering berkongsi ilmu bagi Bengkel Lukisan Kanak Kanak samada di Galeri Shah Alam, Puspanita Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), sekolah rendah dan juga di beberapa peringkat pengajian tinggi.

## ENGKU ERFAN EKHWANUDDIN



Dilahirkan pada 2 Mac 1999, Engku Erfan Ekhwanuddin dibesarkan di Kuala Krai, Kelantan, Malaysia. Pengkarya menamatkan program Asasi Seni Kreatif pada tahun 2018, dan meneruskan pengajian Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Visual dengan Kepujian (2019), di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Pengkarya mula meminati bidang seni halus sejak di bangku sekolah rendah, dan mula menonjolkan bakatnya pada tahun 2020. Beliau pernah melibatkan diri dengan beberapa acara, di antaranya pameran *Covixent Journals*, *PuisiDia*, *Virtual Art FSH* dan *International Camp Gumm + ism Art Exhibition* yang diadakan di Tasik Chini.

## Raja Amirul Iman Raja Dzafran



Raja Amirul Iman atau “Raiman”, dilahirkan pada tanggal 20 Mei 2000. Merupakan seorang graduan dan pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Animasi dan Multimedia dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Meminati kartun dan seni grafik dari kanak-kanak, sehingga mula menceburi bidang animasi pada tahun 2018, semasa menjalani program Asasi Seni Kreatif di ASWARA. Pengkarya juga pernah melibatkan diri di dalam pelbagai projek seni yang melibatkan proses *pre-production*, *production*, sehingga *post-production* dalam animasi dan filem pendek. Kebiasaanya pengkarya melibatkan diri sebagai *2D animator*, *storyboard artist*, *illustrator*, penulis skrip, kompositor, dan *video editor*. Selain itu, pengkarya juga sering berkolaborasi dengan pelbagai artis, dari pelbagai latar belakang seni, yang membantunya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi, interpersonal, dan kemahiran lain yang berkaitan.